



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 7: BILANGAN 2.

BANDAR BRUNEI, RABU 17 JANUARY, 1962. (11 Sha'aban, 1381)

PERCHUMA

PERSEKUTUAN MELAYU RAYA:

SUROHANJAYA DI-BENTOK

— MENDAPATKAN FIKIRAN RA'AYAT

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah menubuhkan sa-buah "surohanjaya untuk mendengar dan mengumpulkan buah fikiran dan pendapat2 ra'ayat mengenai ranchangan Melayu Raya" yang di-anjorkan oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman.

Surohanjaya itu mengandungi enam orang termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato a Marsal bin Ma'un sa-bagai pengerusi dan Setia Usaha ia-lah Yang Berhormat Inche' Hashim bin Tahir.

Ahli2 Surohanjaya itu ia-lah :

- ◆ Yang Berhormat Tuan Sheikh Azahari bin Sheikh Mahmud ;
- ◆ Yang Mulia Orang Kaya Pekerma Dewa Lokan bin Uking ;
- ◆ Orang Kaya Kaya Gimang Anak Perait ; dan
- ◆ Yang Di-Muliakan Pehin Bendahari China Hong Kok Tin.

Penubuhan surohanjaya itu ia-lah perlaksanaan berikutan titah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Meshuarat Negeri pada 5 December lepas supaya menda-patkan pendapat2 ra'ayat sa-n Negeri Brunei menyatakan

sikap mengenai ranchangan Me-layu Raya itu.

Surohanjaya itu akan men-jalankan tugas mereka mengun-



Dua orang mahasiswa2 dari University Australia telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini dalam bidang lawatan mereka ka-negara2 di-Tenggara Asia di-bawah Ranchangan Kolombo. Dalam gambar ini kelihatan mahasiswa2 itu sedang meng-adap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul Hana, Brunei pada hari Jumaat yang lalu. Dari kiri ia-lah Inche Theo Bredmeyer, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Inche Steven Wild. Berita lawatan mahasiswa2 itu ada-lah di-siarkan di-muka 4.

jonggi pelusok2 negeri ini untuk mendengar dan mengumpulkan pendapat2 ra'ayat, pertubuhan2 atau orang persaorangan dengan sa-chara lisan dan tulisan.

Persidangan pertama telah di-adakan di-Pejabat Pegawai Dae- (Lihat Muka 5)

MENGHADHIRI MESHUARAT MELAYU RAYA

BERAKAS. — Lima orang wakil2 dari Negeri Brunei telah menghadiri Meshuarat Jawatan Kuasa Perundingan Perpaduan Melayu Raya di-Kuala Lumpur mulai dari 6 January hingga 8 January yang lalu.

Beliau2 itu ia-lah Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud (Ketua rombongan), Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengi-ran Haji Abdul Rahim, Yang Berhormat Tuan Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar, Yang Berhormat Pehin Dato Temangggong Lim Cheng Choo dan Yang Berhormat Dato Abdul Aziz bin Haji Mohamed Zain, Peguam Negara Brunei yang meng-hadhiri meshuarat itu sa-bagai penasihat kepada rombongan dari Negeri Brunei.

Rombongan itu telah di-jadual-kan berlepas ka-Singapura de-ngan kapal terbang pada petang hari Rabu 3 January yang lalu dalam perjalanan ka-Kuala Lum-pur. Akan tetapi oleh kerana jentera kapal terbang yang hend-ak membawa rombongan itu tel-ah rosak, semua-nya telah berle-pas ka-Singapura dengan kapal terbang pada malam 4 January — 27 jam lewat daripada masa yang telah di-tetapkan.

Turut pergi ka-Kuala Lumpur bersama2 dengan rombongan per-wakilan dari Brunei itu ia-lah dua orang juru2 trengkas dari Jaba-tan Setia Usaha Kerajaan, Bru-nei, ia-itu Inche Tamit bin Haji Manggol dan Puan Grace Wong. Semua-nya itu telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang pa-da petang hari Sabtu yang lalu.

PUTERA2 DI-RAJA BRUNEI BERANGKAT KA-MALAYA

BERAKAS. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengi-ran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, putera2 kepada Duli2 Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri telah berlepas ka-Kuala Lumpur melalui Singapura dengan kapal terbang pada malam Khamis yang lalu sa-telah berchuti sekolah di-tanah ayer, semen-jak awal bulan December yang lalu.

Kapal terbang Sharikat Mala-yan Airways yang membawa pu-tera2 Diraja tersebut yang di-jangka tiba di-sini dari Jesselton pada petang hari tersebut telah tiba pada pukul 8.55 malam dan berlepas ka-Singapura satu jam kemudian.

Di-antara orang yang hadir, di-lapangan terbang untuk meng-ucapkan selamat berangkat ka-Malaya kepada putera2 Diraja itu ia-lah Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara, Y.T.M. Duli Pengi-ran Pemancha Y.A.M. Pengiran Shahbandar, Y.A.M. Pengiran Kerma Indra dan Y.A.B. Men-teri Besar Brunei Dato Setia

Marsal bin Ma'un.

Turut berangkat bersama2 de-ngan Y.T.M. Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bol-kiah ia-lah putera2 kepada Y.T.M. Duli Pengiran Benda-hara: Pengiran Anak Abdul Rahman dan Pengiran Anak Apong.

Putera2 Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha: Pengiran Anak Yusuf, Pengiran Anak Ja'afar dan Pengiran Anak Puteh.

Putera2 Y.B. Dato Setia Pe-ngiran Haji Mohamad Yusuf: Awangku Yura Laila dan Awang-ku Yura Halim.

Putera2 Y.B. Dato Setia Pengi-ran Ali: Pengiran Anak Kama-ulzaman.

MENGIRINGI

Beberapa orang telah mengi-ringi putera2 Diraja tersebut, di-antara-nya ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Haji Is-mail, juru-iring kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Yang Teramat Mulia Tengku Ehsan binti Almerhom Sultan Ahmad Tajuddin.

Pada masa kapal terbang ter-sebut sedang naik ka-udara, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh telah membacha do'a selamat. Kemudian azan pula di-suarakan oleh Yang Di-Muliakan Mudim Haji Yusof.

Menurut berita dari Singapura, kapal terbang itu telah mendarat dengan selamat di-lapangan ter-bang Singapura 3½ jam sa-telah meninggalkan Negeri Brunei.

Pembukaan Mulai Belajar Sekolah Melayu Pulau Berbunut

PULAU BERBUNUT. — Sekolah Melayu Pulau Berbunut yang dudok-nya kira2 15 batu dari Bandar Brunei dengan memakai outboard telah di-buka dengan rasminya sa-bagai mulai belajar pada murid2 sekolah tersebut.

Pembukaan mulai belajar itu telah di-lakukan oleh Yang Berhormat Inche' Shahabuddin bin Md. Saleh, Pemangku Nazir Sekolah2 Melayu Temburong pada pagi 1 January lepas dengan di-hadhiri hampir sa-ratus orang pendudok2 kampung termasuk Ketua Kampong-nya Inche' Md. Rais bin Jaya.

MESHUARAT LEMBAGA PEMUDA

BANDAR BRUNEI. — Berbagai2 perkara yang bersangkutan dengan penubuhan sa-buah Yayasan Belia di-Persekutuan Tanah Melayu akan di-bincangkan dalam meshuarat agong khas Lembaga Pemuda Pemuda Negeri Brunei.

Meshuarat itu akan di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Jumaat 19 January akan datang mulai dari pukul 2 petang.

Menurut keterangan Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Yang Di-pertua, Lembaga Pemuda Pemuda Negeri Brunei, di-antara lain2 perkara yang akan di-bincangkan dalam meshuarat agong khas Lembaga Pemuda Pemuda itu ia-lah berkenaan dengan chadangan hendak menu-buhkan satu bahagian untuk mengelolakan klab2 pemuda sa-negeri ini dan berkenaan dengan ranchangan perkembangan pergerakan pemuda pemudi dalam Negeri Brunei.

LULUS PEPEREKSAAN

BANDAR BRUNEI. — Inche Hamid bin Budin, Serang kapal "Seri Seria" telah lulus peperiksaan Sijil "Master of a Coastal Trade".

Peperiksaan itu telah di-adakan di-Labuan pada 8 January, 1962. Demikian menurut keterangan Kaptan E.H. Mutton, Pegawai Laut Negara, Brunei.



Sa-bilangan daripada penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei yang telah mendapat hadiah2 pelajaran dan kemajuan2 dalam berbagai2 lapangan di-Maktab tersebut pada tahun yang lalu. Berita lanjut berhubung dengan majlis menyampaikan hadiah itu telah di-siarkan dalam keluaran kita yang lalu. Dudok di-tengah ia-lah Inche Momin Nasir, Ketua Penuntut2 maktab itu pada tahun 1961.

Upacara pembukaan itu di-mulakan dengan bergambar ramai, sa-telah itu para jemputan dan murid2 sekolah masuk ka-dalam bangunan sekolah itu.

Ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Guru Besar sekolah itu, Inche' Hassan bin Sulaiman; Pemangku Nazir Sekolah2 Melayu Temburong, Yang Berhormat Inche' Shahabuddin bin Md. Saleh dan wakil Ketua Kampong Berbunut.



Gambar ramai murid2 dan lain2-nya yang hadir pada masa pembukaan mulai belajar Sekolah Melayu Pulau Berbunut pada awal bulan ini.

Dalam ucapan-nya, Yang Berhormat Inche' Shahabuddin bin Md. Saleh telah menasehatkan ibu bapa murid2 sekolah itu supaya anak2 mereka jangan di-biarkan dengan tiada sebab2 yang tertentu tidak mahu bersekolah.

"Mithal-nya, kanak2 janganlah di-bawa bekerja, di-bawa kamajlis perkahwinan dan lain2 dalam masa murid2 bersekolah pada waktu pagi", kata Inche' Shahabuddin.

Beliau juga menasehatkan orang2 kampung supaya bekerja sama dengan guru2 dan mesti-lah saling mengerti di-antara satu dengan lain dan selalu mengadakan



Yang Berhormat Inche' Shahabuddin

perundingan dengan guru2 di-sekolah tersebut.

"Kawasan sekolah, padang bola dan lain2 hendak-lah orang2 kampung bekerja sama dan berunding dengan guru2 supaya kawasan2 itu akan bersekh dan di-jaga dengan baik," tambah beliau.

Wakil Ketua Kampong, Inche Abd. Rahman bin Othman dalam ucapan-nya di-majlis itu menyampaikan ucapan terima kasih kepada Jabatan Pelajar Kerajaan dan kepada Duli Yang Maha Mulia atas bantuan dan kebenaran kerana mendirikan sekolah itu.

Bangunan Sekolah Melayu Pulau Berbunut di-dirikan ia-lah hasil daripada kerja gotong royong pandudok2 kampung itu dengan memakan belanja kira2 \$1,500 termasuk bantuan dari Kerajaan sa-banyak \$400.

Ramai murid2 sekolah itu 29 orang sahaja ia-itu 15 lelaki dan 14 perempuan.

Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi

KUALA BELAIT. — Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi Kuala Belait yang baharu di-tubuhkan telah di-luluskan pendaftaran-nya pada 27 December tahun lalu oleh Pendaftar Persatuan2 Negeri Brunei.

Tujuan utama persatuan itu ia-lah menyatukan pemuda dan pemudi di-kampung2 dengan maksud, antara-nya hendak :

- ◆ Memperbaiki jiwa raga, gerak badan, rohani dan jasmani serta menggalak-

kan akhlak ahli2 persatuan ;

- ◆ Menggalakkan pemuda pemudi bertanggung jawab dalam hal sivil dan masharakat ;

- ◆ Mengambil bahagian dalam ranchangan2 kebajikan yang akan memberi fa'edah kepada masharakat, ahli2 persatuan dan persatuan.

Persatuan itu tidak akan bergabung dengan pertubuhan2 politik.

Yang Berhormat Pengiran Haji Abd. Rahman bin Pengiran Haji Abd. Rahim, Pemangku Pegawai Da'erah Belait telah di-lantik menjadi Penaong persatuan tersebut.

PGMPP Kuala Belait itu juga telah melantik lima orang sa-bagai penasihat2-nya yang terdiri dari Yang Berhormat Pengiran Bahar, Yang Di-Muliakan Pehin Bendahari China Hong Kok Tin, Pengiran Metussin, Che'gu Md. Yasin bin Haji Me-

tassim dan Inche' Peter Lee.

Jawatan Kuasa persatuan itu ia-lah Yang Di-pertua, Inche' Abu Hanifah; Naib Yang Di-pertua, Inche' Hamdan Abul Lah; Setia Usaha Kehormat, Inche' Jumat Md. Saleh dan Bendahari Kehormat Inche' Hassan Louis.

BERLATEH DI-SINGAPURA

BANDAR BRUNEI. — Angkatan Laut Diraja Persekutuan Tanah Melayu telah bersetuju hendak menerima beberapa orang lagi dari Jabatan Laut Brunei untuk berlateh di-Pusat Latehan Angkatan Laut Diraja itu selama tiga bulan.

Perkara tersebut telah di-rangkan oleh Kaptan E.H. Mutton, Pegawai Laut Negara, Brunei.

Kaptan Mutton berkata bahawa kira2 dua belas orang dari Jabatan Laut Brunei akan berangkat ka-Singapura dalam bulan March hadapan untuk berlateh di-Pusat Latehan Angkatan Laut Diraja Persekutuan Tanah Melayu di-sana.

PERADUAN BACHAAN AL-KORAN

Daerah Brunei dan Muara

BANDAR BRUNEI. — Peraduan2 membaca Al-Koran untuk qari2 lelaki dan perempuan yang tinggal di-Daerah Brunei akan diadakan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei pada 20 dan 21 January akan datang.

Peraduan2 untuk qari2 yang tinggal di-Daerah Muara akan diadakan di-Mesjid Muara pada 26 January hadapan mulai pada pukul 9 pagi.

Peraduan2 itu ada-lah di-adakan di-bawah anjoran Pejabat Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei dan di-kelolakan oleh Pejabat Kadhi di-Daerah Brunei dan Muara.

Orang2 yang ingin masuk bertanding dalam peraduan2 tersebut boleh-lah mendapatkan borang2 masuk peraduan daripada Setia Usaha peraduan itu, Awang Tahir bin Pehin Udana Khatib Haji Umar di-Pejabat Kadhi, Daerah Brunei.

Borang2 untuk qari2 di-Daerah Brunei juga boleh di-dapati daripada ahli2 jawatan kuasa peraduan itu yang di-sebutkan di-bawah ini:

Inche Yahya bin Ibrahim, Kampong Lorong Sikuna, Kampong Ayer, Brunei.

Inche Abu Bakar Tengah, Kampong Pandai Besi, Kampong Ayer, Brunei.

Awang Salim bin Tuan Imam Haji Mokti, di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Awang Bakar bin Chuchu, Pejabat Kadhi, Brunei.

Inche Abdul Hamid bin Bakal, Kampong Tanjong Nangka, Sengkurong, Brunei.

DI-MUARA


Inche Ibrahim bin Mudim Haji Ismail, Kampong Kianggeh, Bandar Brunei.

Inche Abdul Saman bin Kahar, Kampong Kota Batu, Brunei.

Orang2 di-Muara yang hendak mengambil bahagian dalam peraduan tersebut boleh-lah berhubung dengan:

Orang Kaya Bandar Mohamed Dayang, Penghulu, Daerah Muara. Awang Abdul Rahman, Imam Mesjid Muara atau pun Awang Lamat bin Isa, Khatib Mesjid Muara.

Borang2 masuk peraduan itu yang telah di-penohikan hendaklah di-hantarkan kepada Setia Usaha bagi Daerah Brunei tidak lewat dari 17 January dan di-Muara tidak lewat dari 20 January akan datang.



Pintu gerbang pasokan Pengakap2 dari Brunei yang telah mendapat hadiah yang pertama antara pintu2 gerbang di-Perkhemahan Pengakap2 yang telah di-adakan di-Hongkong sedikit hari yang lalu.

PENGAKAP2 BRUNEI BALEK DARI HONG KONG

BANDAR BRUNEI. — Wakil2 pengakap dari Negeri Brunei yang telah menghadhiri Perkhemahan Pengakap Jubilee Emas di-Hongkong mulai dari 27 December hingga 2 January lepas telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang melalui Jesselton pada hari Ithnin 8 January yang lalu.

Rombongan itu ada-lah diketuai oleh Inche Foo Kia Inn, Pesuruh Jaya Pengakap, Daerah Belait dan di-bantu oleh Inche Mohamed Taib bin Haji Mohamed Sa'id, Guru Pengakap dari Daerah Brunei.

Ahli2 rombongan itu ia-lah Inche Alias bin Ahmad, Guru Pengakap dari Daerah Brunei serta enam orang pengakap2 ia-itu Inche Sharani bin Othman, Inche Ismail bin Ahmad, Inche Serudin bin Tarip, Inche Han Foo Kuang dan Inche Reynold Keasbury (semua-nya dari Daerah Brunei) serta Inche Ahmad Sahari dan Inche Wong Thien Seng (dari Daerah Belait).

Sa-belum rombongan itu balek ka-Brunei, Guru Pengakap Inche Mohamed Taib dalam sa-puchok surat-nya menyatakan bahawa pintu gerbang pengakap2 dari Brunei telah mendapat hadiah

yang pertama dalam peraduan pintu2 gerbang di-kawasan perkhemahan "Rowallan Sub-Camp" di-Kowloon.

Para pelawat ka-perkhemahan itu telah tertarik hati melihat pintu gerbang yang cantik yang di-bina oleh pasokan dari Negeri Brunei itu.

Negeri2 yang menghantarkan wakil2 ka-perkhemahan tersebut ia-lah dari Brunei, Australia, Ceylon, Negeri Jepun, Korea, Philipina, Thailand, Malaya, Singapura, Amerika Sharikat, United Kingdom dan satu pasokan dari Hongkong.

Yang Terutama Sir Robert Black Gabor Hongkong, yang juga menjadi Ketua Pengakap, Hongkong telah membuka perkhemahan itu dengan rasmi pada 28 December.

Sa-lain daripada menghadhiri perkhemahan tersebut pengakap2 itu telah di-bawa melawat ka-beberapa tempat di-Hong Kong, dan telah mendapat layanan yang baik dari pengakap2 Hongkong.

KA-MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Inche Mat Noor McAfee, Penyelia, Pilehan Raya Negeri Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur, melalui Singapura dengan kapal terbang pada malam Khamis yang lalu untuk mempelajari berbagai2 perkara yang bersangkutan paut dengan pilehan raya.

Tiga orang lagi dari Jabatan Pilehan Raya Brunei telah juga pergi ka-Kuala Lumpur bersama2 dengan Inche Mat Noor McAfee untuk mempelajari perkara2 tersebut.

Mereka ia-lah Puan Meriam binti Abdullah, Puan Marhani binti Abdul Latiff dan Inche Ibrahim bin Abdul Latiff.

JABATAN SIARAN RADIO DAN PENERANGAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Penerangan dan Perkhidmatan Radio Brunei telah di-satukan mulai dari 1 January, 1962, sebagai Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Berhubung dengan perchantuman jabatan2 tersebut, Kerajaan Brunei telah melantik pegawai2 kanan jabatan yang baharu itu seperti di-bawah ini:


Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, di-lantik menjadi Pemangku Pengarah, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei sa-lain daripada menjalankan kewajipan beliau sa-bagai Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir, bekas Pemangku Pegawai Penerangan Negara, Brunei di-lantik menjadi Pemangku Timbalan Pengarah, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, bekas Penolong Pegawai Penerangan, Brunei di-lantik menjadi Pemangku Pegawai, Siaran Radio dan Penerangan, Daerah Brunei.

Pengiran Mohamed bin Pengiran Damit, bekas Ketua, Bahagian Melayu, Radio Brunei, Kuala Belait telah di-lantik men-

jadi Pemangku Pegawai, Siaran Radio dan Penerangan, Daerah Belait.



Inche H.M. Salleh, Pegawai Kebajikan Masyarakat Negeri Brunei telah balek ka-Brunei pada petang hari Rabu yang lalu sa-telah berlatih dalam hal ehwal kebajikan masyarakat di-Persekutuan Tanah Melayu sa-lama tiga bulan. Dalam masa itu beliau juga telah menghadhiri satu kursus pemuda pemudi di-Morib, Selangor.

Gambar ini yang di-ambil pada hari menutup kursus pemuda pemudi itu menunjukkan dari kiri Inche Jalil, Penguasa, Pusat Latihan Pemuda Pemudi, Persekutuan Tanah Melayu; Inche H.M. Salleh dan Inche Sanusi Baki, Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Persekutuan Tanah Melayu.

SIKAP BRUNEI TERHADAP MELAYU RAYA

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Md. Ali, Ketua Rombongan Negeri Brunei sa-bagai pemerhati di-Persidangan Setia Kawan Melayu Raya yang berlangsung di-Kuala Lumpur pada 6 hingga 8 January yang lalu telah menegaskan bahawa Kerajaan Brunei belum-lah menyatakan sikap-nya yang tegas sa-belum di-peroleh pendapat2 ra'ayat mengenai ranchangan itu.

Beliau berkata bahawa sikap Negeri Brunei mengenai ranchangan Melayu Raya ini ada-lah sa-bagaimana yang di-titahkan oleh Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Meshuarat Negeri pada 5 December tahun lepas.

Dato Setia Pengiran Md. Ali menyatakan bahawa ranchangan Melayu Raya itu ada-lah menarek hati, tetapi oleh kerana perkara ini mengenai kehidupan ra'ayat Negeri Brunei, kerajaan akan mendengar pendapat2 ra'ayat sa-belum Duli Yang Maha Mulia sendiri memberi keputusan apa langkah yang akan di-ambil.

Beliau juga menjelaskan bahawa pengkajian masa'alah ini perlu di-adakan dari segi politik, ekonomi yang luas yang menggambarkan keadaan di-Tenggara Asia pada 10 atau 20 tahun akan datang.

Ucapan Dato Setia Pengiran Md. Ali sa-penoh-nya ada-lah seperti berikut:

Sikap kami dalam Majlis Meshuarat ini ia-lah chuma sa-bagai pemerhati, tetapi akan mengambil peluang untuk memahami beberapa masa'alah2 yang akan di-hadapkan oleh rombongan2 daripada wilayah Borneo yang lain.

Kami percaya bahawa tiap2 soalan atau pun chadangan yang diberikan akan juga berguna kepada Negeri Brunei. Walau pun seperti mana yang saya tegaskan tadi, kami ini hadir sa-bagai pemerhati sahaja jangan-lah pula di-fahamkan bahawa kami tidak memandang berat berkenaan dengan persidangan yang di-adakan ini.

Sungguh pun kami tidak dapat mengemukakan soalan2 atau pun pertanyaan2, bukan-lah berma'ana atau bertujuan yang kami meringankan tugas Ahli2 Rombongan daripada Persekutuan Tanah Melayu untuk menghadapi dan menjawab beberapa soalan yang susah yang telah di-kemukakan oleh rombongan daripada Sarawak dan North Borneo.

Sikap Kerajaan Brunei kepada ranchangan yang telah di-kemukakan oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri ada-lah seperti mana yang telah di-titahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei dalam Majlis Meshuarat Negeri pada 5 haribulan December tahun sudah.

Duli Yang Maha Mulia telah menegaskan di-dalam titah-nya bahawa tali perhubungan, bangsa, keturunan dan kebudayaan serta adat resam di-Negeri Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu ada-lah sama.

Sa-lain daripada itu kami memandang ranchangan ini ada-lah tersangat menarek hati, tetapi dengan kerana hasil ranchangan ini akan mengenai kehidupan2 ra'ayat Brunei, Duli Yang Maha Mulia telah bertitah supaya Kerajaan mendengar pendapat2 ra'ayat sa-belum Duli Yang Maha Mulia sendiri memberi keputusan apa langkah yang akan di-ambil dalam perkara ini.

Kerajaan telah menubuhkan satu surohanjaya yang diketuai oleh Menteri Besar sa-bagai Pengerusi dan beberapa orang wakil daripada pertubuhan2 dan kaum yang telah di-lantek. Sa-orang daripada wakil Melayu, sa-orang daripada wakil Dusun, sa-orang daripada orang Iban dan sa-orang daripada China juga telah di-lantek.

Surohanjaya ini akan mula bekerja pada 15 haribulan bulan ini. Dengan

melawat ka-daerah2 di-dalam negeri supaya memberi peluang kepada orang ramai bertemu dengan mereka memberi pendapat2 dan pandangan2 mereka di-atas masa'alah ini.

Sa-lepas itu langkah yang termosti akan di-ambil jika sa-kira-nya Kerajaan Brunei bersetuju pada ranchangan ini harus Kerajaan Brunei akan menubuhkan satu Jawatankuasa Kerja dan juga Jawatankuasa Kerja dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang mana kami percaya di-dalam rundingan Jawatankuasa itu-lah sahaja dapat segala perkara2 dan butir2 yang berkenaan dengan Perlembagaan Kewangan dan lain2 perkara dapat di-binchangkan.

Dalam masa meshuarat di-Kuching sa-orang ahli Yang Berhormat daripada North Borneo menyatakan kebimbangan-nya berkenaan dengan hasil minyak dalam negeri kami. Kami pehak rombongan Brunei ada-lah mengucapkan berbanyak terima kasih di-atas kebimbangan itu, tetapi kami

juga suka menyatakan bahawa kami lebih merasa bimbang daripada mereka.

Tetapi dalam pendapat kami bahawa dalam Majlis ini bukan-lah tempat kami untuk menyelesaikan masa'alah yang begini atau masa'alah pertadabiran yang lain.

Kajian perkara yang bagini kusut ada-lah berkehendakkan kajian dan rundingan yang mendalam di-antara Kerajaan Brunei dan juga Kerajaan Persekutuan. Begitu juga sikap kami berkenaan dengan masa'alah2 yang kami tidak-lah berhajat apabila muncihul-nya Persekutuan Melayu Raya ini yang sekarang Undang2 Persekutuan terutama sekali Undang2 Chukai akan di-kenakan kepada negeri kami kepada ke-esokan-nya.

Jika terjadi begitu kami juga terpaksa mengatasi kesusahan pula, tetapi segala perkara butir2 ini saya percaya dapat di-selesaikan dengan aman dan damai apabila kelak dapat di-putusan dasar sekalian bersetuju kepada chadangan Melayu Raya ini.

Untuk mengkaji ranchangan ini pada kasar-nya maka kami percaya itu-lah sebab-nya yang jawatankuasa ini telah di-dirikan. Dalam ini kami mesti mengkaji masa'alah ini dari segi politik, ekonomi yang luas dengan menggambarkan keadaan di-Tenggara Asia pada masa ka-hadapan ia-itu 10 atau 20 tahun yang akan datang.

Oleh kerana apa kita hadapkan ini untuk anak2 kita di-masa hadapan



Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali

dan terpaksa-lah kita menentukan masa ini dalam peredaran sejarah dunia apa-kah keadaan negeri yang kita akan sukai bagi anak2 kita mendiami pada masa2 yang akan datang.

Maka terpaksa-lah kita menentukan dengan sa-berapa chepat-nya ka-ara mana kapal yang kita akan belayar.

Pada masa ini kita telah kedengaran bunyi guroh di-pingir langit dan guroh ada-kala-nya berma'ana chucha yang kurang baik dan boleh jadi juga berma'ana ribut yang besar.

MAHASISWA2 MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Dua orang mahasiswa dari University Australia Barat telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama lima hari baharu2 ini dalam bidang lawatan mereka ka-negara2 di-Tenggara Asia.

Mereka ia-lah Inche Theo Bredmeyer dan Inche Steven Wild.

Lawatan mereka itu ada-lah di-selenggarakan di-bawah kelolaan Persatuan Penuntut2 Ranchangan K o l o m b o Australia Barat.

Inche Bredmeyer dan Inche Wild telah tiba di-sini dengan kapal terbang dari Sibu, Sarawak pada petang hari Rabu 10 January dan di-jadualkan berlepas ka-Kuching sa-telah tamat lawatan mereka ka-Brunei.

Mereka menyatakan bahawa mereka berasa sangat suka chita melawat ka-negeri ini dan dengan itu dapat-lah menambahkan pengetahuan mereka berhubungan dengan berbagai2 perkara yang bersangkutan paut dengan Brunei.

Pada 10 January mahasiswa2 itu telah mengadakan pertemuan2 dengan Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar, Brunei; Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir, Timbalan Pengarah, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei; Inche Noordin bin Abdul Latif, Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei serta melawat ka-Masjid Omar Ali Saifuddin dan kawasan Kampong Ayer, Brunei.

Mereka telah melawat ka-Maktab Sultan Omar Ali Saifud-

din, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Maktab Perguruan Melayu Brunei dan ka-Radio Brunei pada 11 January.

Pada petang hari tersebut mereka telah menghadiri satu majlis ramah tamah dengan penuntut2 tempatan bertempat di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Menurut jadual yang telah ditetapkan mahasiswa2 itu telah bertemu dengan Pesuruh Jaya

Tinggi Inggeris di-Brunei Yang Terutama Sir Dennis White pada pagi hari Jumaat yang lalu dan sa-jam kemudian mereka telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul Hana.

Mereka telah melawat ka-Temburong pada petang hari tersebut dan melawat ka-Seria serta Kuala Belait pada hari Sabtu yang lalu.

Dalam masa lawatan ka-Seria dan Belait mahasiswa2 itu telah melawat ka-kawasan telaga minyak dan bercheramah dengan penuntut2 di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Melayu Raya: P.G.G.M.B. Belum Membuat Sa-barang Keputusan

BANDAR BRUNEI. — Inche Othman bin Bidin, Yang Dipertua Persekutuan Guru2 Melayu Brunei menyatakan bahawa PGGMB ada-lah berasa dukachita terhadap kesilapan yang telah di-keluarkan oleh Inche Abdul Hamid bin Othman, Setia Usaha Badan Penerangan, PGGMB dalam sa-buah akhbar Melayu di-sini pada 12 January yang lalu berhubung dengan sikap Persekutuan Guru2 Melayu Brunei mengenai Melayu Raya.

Inche Othman menerangkan bahawa Persekutuan Guru2 Melayu Brunei belum-lah membuat sa-barang keputusan mengenai

penubuhan Melayu Raya itu.

"Pihak PGGMB ada-lah menuntut ma'af kepada Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal dan kepada Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali kerana nama2 Dato2 itu telah terlibat dalam berita yang telah di-siarkan itu", kata Inche Othman.

PENOLONG P. D. TEMBURONG

TEMBURONG. — Pengiran Besar bin Pengiran Kula telah di-lantek menjadi Penolong Pegawai Daerah, Temburong mulai dari 1 January, 1962.

KEBUDAYAAN VIETNAM BERASAL DARI ANIKA CHORAK — RAZAK

Inche' Abdul Razak bin Bungso, wakil Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, yang menghadiri Seminar Guru2 Sa-Dunia yang berlangsung di-Vietnam pada 29hb November hingga 6hb December tahun lepas, bersama2 dengan Pengiran Metusin bin Pengiran Haji Lampoh, telah menulis sa-buah rencana berkenaan dengan Kebudayaan Vietnam.

Tulisan beliau ini ada-lah sa-chara ringkas dan di-dasarkan dari pengalaman dan tinjauan-nya sa-masa berada di-negeri itu, sa-lain daripada tugas menghadiri seminar tersebut.

Tulisan beliau sa-penoh-nya, ada-lah seperti berikut :

Kebudayaan Vietnam berasal daripada berbagai2 ehorak dan daripada chorak2 ini-lah terbentuk-nya kebudayaan kebangsaan yang tunggal di-negeri itu. Kebudayaan Vietnam ini telah melalui tiga zaman ia-itu zaman Mesolithic, Neolithic dan Dongsonian.

Kebudayaan asal ini kemudian-nya telah di-masuki oleh pengaruh2 kebudayaan China yang berdasarkan kepada Confucianism, oleh penyiaran Agama Hindu dan akhir-nya oleh kebudayaan Barat apabila Agama Christian dan chara2 berfikir Barat di-terima oleh penduduk2 di-sana.

BERBAGAI2 PENJELMAAN KEBUDAYAAN VIETNAM

Kebudayaan asal dan kemasokan pengaruh2 asing ini dapat di-lihat bangunan-nya dengan jelas daripada hasa pertuturan, tulisan, kesusasteraan dan kesenian orang2 Vietnam. Di-bawah ini kita terangkan dengan ringkas satu persatu :

1) BAHASA PERTUTORAN DAN TULISAN.

(a) Pertuturan :
Walau pun Vietnam di-kayakan oleh Bahasa China tetapi banyak pendapat2 yang mengatakan bahasa negeri itu bukan-lah berasal dari Bahasa China. Kuhn, sa-orang ahli Bahasa German, berpendapat bahawa bahasa negeri itu berasal daripada Pegouan, Thai atau Mon-Khmer. Sa-orang ahli bahasa yang lain pula mengatakan bahawa Bahasa Vietnam berasal daripada Indo-Malay (Malindo).

Pendapat Haudcourt, yang mengatakan bahawa bahasa negeri itu berasal daripada bahasa kaum Austro-

Asiatic, ada-lah satu pendapat yang dapat di-terima oleh akal. Dari penyiasatan2 jelas-lah bahawa orang Vietnam telah pernah membuat perhubungan2 dengan bangsa2 Austro-Asiatic ia-itu Negroid, Melanesia dan Indonesia. Dan Bahasa China hanya-lah mempengaruhi bahasa negeri itu sa-sudah Vietnam di-jajah oleh negeri China dan kebudayaan China mula meluas.

Walau bagaimana pun, dalam lapangan science dan teknikal, Bahasa Inggeris dan Berancis ada-lah mengambil peranan yang penting dan turut memperkayakan bahasa Vietnam.

(b) Tulisan :

Pada kurun ke-9 Vietnam telah mengikuti sistem tulisan China. Dalam kurun ke-17 pula mula-lah Tulisan



Penuntut2 University di-Vietnam kelihatan sedang mempersembahkan sa-buah tarian bernama, " Bergembira di-sawah padi", pada masa di-adakan Seminar Guru2 Sa-Dunia di-Vietnam.

san Romanise di-pakai dengan di-perkenalkan pada mula-nya oleh kaum Missionaries dari Eropah yang menyebarkan Agama Christian di-negeri itu. Tetapi dari segala ini sistem yang di-kenal Sino-Vietnam tetap mengambil peranan yang penting dalam kesusasteraan Vietnam.

Kesusasteraan Vietnam di-pengaro-



Inche Abdul Razak bin Bungso dan Pengiran Metusin bin Pengiran Haji Lampoh telah mewakili Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dalam Seminar Guru2 Sa-Dunia di-Vietnam tidak berapa lama dahulu. Dalam gambar ini kelihatan Inche Abdul Razak sedang memberi ucapan di-seminar tersebut. Di-kanan sa-kali ia-lah Pengiran Metusin.

hi oleh pengaruh China dan Barat.

a) Pengaruh China :

di-negeri Vietnam apabila negeri itu di-jajah oleh China. Pada masa itu-lah kesusasteraan China banyak di-bukukan oleh kaum Monk, dan Alim

bang dengan biak-nya, kesusasteraan Barat pun mulai pula mengambil peranan-nya dalam kesusasteraan Vietnam. Pada kurun ke-19 banyak-lah terdapat buku2 nobel yang bernilai di-terjemahkan dan di-jadikan kesusasteraan Vietnam.

III) KESENIAN

a) Seni Pembangunan :

Kebanyakan-nya bangunan2 yang terdapat di-negeri Vietnam ada-lah di-dirikan daripada bahan2 yang ada di-sekeliling negeri itu sendiri. Ini dapat kita perhatikan daripada bangunan2 seperti Pagoda, tempat berhala, dan rumah2 orang2 Vietnam. Kayu dan buloh ada-lah mengambil peranan yang utama dalam membangunkan bangunan2 tersebut. Tetapi sekarang ini ada juga terdapat bangunan2 modern yang mengikut aliran Barat.

b) Seni Musik :

Dalam hal ini juga pengaruh2 asing terdapat meresapi ka-dalam-nya. Mula2-nya seni musik di-pengaruh oleh China tetapi akhir2 ini pengaruh2 Barat mulai mengambil tempat yang penting. Pada masa ini ada di-dirikan "The National Conservatory of Music" yang bertugas menghidupkan kesenian Timor dan Barat untuk menchari kesenian Kebangsaan.

DEWAN PERPADUAN IKATAN PEMUDA PEMUDI

TUTONG. — Sa-buah persatuan belia yang baharu telah ditubuhkan di-Daerah Tutong pada awal bulan ini.

Persatuan yang baharu itu ia-lah, "Dewan Perpaduan Ikatan Pemuda Pemudi Daerah Tutong", atau nama ringkas-nya DPIPP.

Persatuan itu ada-lah terbuka kepada pemuda pemudi dari segala bangsa di-Daerah Tutong yang berumur di-antara 16 dan 35 tahun.

Bayaran masuk ia-lah tiga ringgit dan tidak ada bayaran bulanan.

Dasar persatuan yang baharu itu ia-lah untuk menyatukan anak2 muda yang tinggal di-Daerah Tutong; melateh mereka untuk bertanggung jawab kepada masyarakat dan kemajuan Daerah Tutong; menggalakkan ahli2 DPIPP itu mengambil bahagian yang cergas dalam hal ehwal sukan dan lain2-nya.

Chegu Abdul Hamid bin P.H. Abu Bakar telah di-lantek menjadi Yang Dipertua, Dewan Perpaduan Ikatan Pemuda Pemudi Daerah Tutong dan Inche Mahmud Laki sa-bagai Naib Yang Di-

pertua.

Lain2 pegawai persatuan yang baharu itu ia-lah :

Setia Usaha : Inche Abdul

Kani bin Orang Kaya Setia Negara Mohamed Safar. Penolong Setia Usaha : Inche Abdul Hadi bin Abdul Manan.

Penyimpan Wang : Chegu Metamit bin Iradat dan tujuh orang ahli2 jawatan kuasa.

Dewan Perpaduan Ikatan Pemuda Pemudi Daerah Tutong itu akan bergabung dengan Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

PEPEREKSaan BAHASA MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan Bahasa Melayu bagi orang2 dewasa yang bukan Melayu, Tingkatan Pertama dan Kedua, akan di-adakan mulai pada 29 January hingga 31 January akan datang.

Chalon2 hendak-lah mendapat sokongan daripada guru yang mengajar di-darjah-nya atas kebolehan memasoki peperiksaan tersebut.

Peperiksaan Bahasa Melayu Tingkatan Kedua ada-lah terbuka hanya kepada chalon2 yang telah lulus peperiksaan Bahasa Melayu Tingkatan Pertama.

Bayaran masuk peperiksaan itu tidak-lah di-kenakan.

Peperiksaan itu akan di-ada-

kan di-tiga buah tempat ia-itu : Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan Sekolah Melayu Mohamed Alam, Seria.

Menurut Surat Keliling Jabatan Pelajaran Brunei berhubung dengan peperiksaan Bahasa Melayu tersebut, peperiksaan Bachaan dan So'al Jawab di-mulut akan di-adakan pada 22, 23 dan 24 January.

SUROHANJAYA DI-BENTOK

(Dari Muka 1)

rah Temburong pada pukul 9.00 pagi 16 January semalam.

Surohanjaya itu juga akan mengadakan sidang-nya hari ini dan esok di-Pejabat Pegawai Da'erah Tutong pada waktu yang sama.

Jadual persidangan surohanjaya itu di-da'erah2 lain ada-lah seperti berikut :

Di-Seria: Pada hari Ithnin 22 January di-Maktab Anthony Abell. Di-Kuala Belait: Pada hari Thalatha 23 January dan hari Rabu 24 January di-bangunan Mahkamah. Di Muara: Pada hari Khamis 25 January di-bangunan Yacht Club. Di-Bandar Brunei mulai dari hari Sabtu 27 January hingga ka-hari Thalatha 30 January di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei.

Orang ramai yang suka hendak memberi pandangan dan pendapat2 mereka sa-chara lisan dan tulisan mengenai rancangan Melayu Raya ada-lah di-jemput hadir pada tarikh2 dan tempat2 yang di-tetapkan dari pukul 9.00 pagi hingga pukul 4.00 petang.

CHARA CHARA MENGOOREK MINYAK

Salah satu bahan utama yang di-gunakan dalam kerja pengorekan sa-chara rotary ini ialah lumpur. Lumpur ini bukan-lah sa-barang lumpur bahan ia di-buat khas dari tanah liat dengan ayer, berchampur dengan bahan2 kimia yang lain.

Lumpur ini di-alirkan ka-dalam dan keluar balek melalui batang2 paip pengorek sa-hingga sampai ka-mata yang di-bawah sa-kali.

Kemajuan dan kelichinan kerja pengorekan ada-lah bergantung kepada penggunaan chairan lumpur yang sa-suai.

Menyiapkan lumpur yang sa-suai untuk maksud ini adalah suatu kerja yang khusus yang hanya di-buat oleh sa-orang jurutera lumpur.

Ayer lumpur itu di-pam ka-bawah melalui paip pengorek yang berlobang dan aliran yang kuat masuk ka-dalam lobang yang di-gali sa-belah bawah melalui liang2 yang ada di-mata pengorek.

Ia balek sa-mula ka-permukaan tanah melalui ruang kosong antara rantai pengorek dengan dinding lobang yang di-korek. Bersama2-naik ka-atas ia-lah potongan atau serpehan batu yang di-tebok oleh mata pengorek.

SERPEHAN BATU

Di-kepala telaga ayer lumpur itu di-alirkan melalui penapis di-mana serpehan batu itu akan tertinggal; sedangkan ayer lumpur itu masuk sa-mula ka-kolam-nya untuk di-pakai sa-mula.

Lumpur yang di-gunakan dalam kerja pengorek ada-lah berlainan dari pengertian lumpur yang biasa dan ia mempunyai tugas2 yang tertentu.

Ia mendinginkan mata pengorek atau meminyaki bahagian2 mata itu serta membawa serpehan2 batu yang di-tebok naik ka-atas.

Ia juga merupakan sa-bagai penampal kepada dinding lobang supaya ia tidak runtuh atau tertutup.

Berat lumpur itu boleh menahan ayer dan gas dari memasuki lobang yang sedang di-korek dan dengan jalan bagini ia boleh menchegah dari berlaku-nya sa-barang letupan.

Serpehan batu2 yang di-bawa naik ka-atas dari lapisan bawah bumi di-ambil dari penapis dan di-pereksa dengan chermat-nya untuk menentukan jenis batu yang sedang di-korek.

Sa-bahagian dari chontoh2 ada-lah di-hantar ka-makmal untuk ujian yang lebeh lanjut.

Keterangan yang di-peroleh dari serpehan2 ini tentang kekayaan yang di-kandung-nya dan juga isi2 dari lapisan batu pejal di-tambah dengan chara

JAYA atau gagal sa-buah telaga minyak ada-lah bergantung kepada pengorekan. Dalam keluaran yang lalu kita telah menyiarkan berbagai2 perkara mengenai chara2 mengorek minyak. Penerangan yang lanjut berhubung dengan perkara itu ada-lah di-siarkan di-muka ini. — Berita Sharikat Minyak Brunei Shell.

letrek dan radio-active logging memberikan satu rajah yang terang mengenai lapisan batu yang ada di-bawah bumi.

KASING BESI

Meskipun dengan ada-nya pertolongan lumpur, dinding lobang yang di-gali itu lambat laun akan runtuh juga, lebeh2 lagi jika tanah di-sekitar-nya mengandongi pasir yang bergerak.

Untuk mengelakkan hal ini, kasing besi di-masokkan ka-dalam telaga untuk menjadi pendinding yang kuat. Kasing besi itu di-masokkan ka-dalam telaga pada beberapa perengkat sa-haik2 sahaja ia mula di-ko-

nara di-buat lebeh tinggi daripada itu.

Apabila ia di-chabut maka sambongan paip tadi di-buka dan sa-orang daripada rombongan pekerja berdiri di-atas pelantar dekat bahagian atas menara mengarahkan-nya ka-dalam tempat yang di-sediakan.

PAIP PENGOREK

Semua batang2 paip pengorek terpaksa di-chabut keluar bukan sahaja kerana hendak memasang kasing tetapi juga apakala mata pengorek itu perlu di-ganti, kerana tidak tajam lagi atau mahu di-tukar kepada jenis yang lain.

Jika batu pejal lebeh keras mata itu harus di-ganti. Ka-

pemusing lalu gigi tajam itu memecahkan batu.

Ada pula alat pengorek atau "bits" itu memakai intan sa-bagai tirus atau mata pemotong-nya.

BATU PEJAL

Walaupun benda itu di-buat dari benda2 yang halus dan istimewa, sa-buah alat penebok di-tanah keras atau batu pejal sampai berharga sa-banyak \$2,500, batu yang keras hanya dapat mengakibatkan gigi2 itu tahan kadang2 hanya satu jam yang mana bererti wajib selalu di-ganti.

Ini pula bererti menarek samula seluruh tali penggali dan rudah itu menjalankan kembali, suatu kerja yang lama pada telaga yang dalam walau pun memakai alat perkakas yang serba baharu.

Sa-bagai mithal-nya, memasokkan paip penggali yang 4½ inchi sa-dalam 15,000 kaki mengambil masa habis kurang 3 jam. Jumlah berat tali lebeh kurang 110 tan, dan sebab itu waktu menarek-nya balek keluar memakan masa yang lebeh lama lagi, lebeh kurang 5½ jam di-sebabkan berat benda yang mesti di-angkat pada mula2-nya.

Hanya sa-bahagian jumlah berat "string" itu di-bebankan kepada penebok waktu penggalan, berat pengangkat. Begitu pun penebok yang besar-nya 8½ inchi baris menengah boleh menjadi pikulan 50,000 paun.

BESI BAJA

Walau besi baja yang di-pakai bernutu tinggi tetapi dawai penggali kadang2 pandai putus juga. Jika ini kejadian paip yang tinggal di-bongkar di bahagian yang pechah kemudi-an "di-panching" dengan alat yang khas.

Jika bahagian yang pechah itu tidak boleh di-dapati lagi, lobang itu di-teruskan dari sebelah sudut di-mana ia-nya terbantut dengan memasang baji besi di-atas bahagian yang pechah memandu penebok atau "bit" agar melimpasi-nya.

Chara sa-rupa ini juga dipakai dalam penggalan arah penentuan mithal-nya: jika kawasan yang di-pilih tidak dapat — barangkali ia-nya dalam kawasan perumahan — maka di-gali lobang yang miring dengan chara arahan dari kawasan yang agak jauh dari sana.

Tanggung jawab mengawal berat ka-atas mata pengorek tadi terletak pada juru-gali ("driller"), yang bertanggung jawab pada "rig"; di-samping alat perkakas yang baharu yang di-gunakan banyak lagi yang bergantung pada "perasaan-nya" apa yang harus terjadi di-bawah tanah waktu penebok mengorek dalam tanah.



Beberapa jenis mata pengorek ada-lah di-gunakan dalam penggalan minyak sa-bagai mana di-beritakan di-muka ini. Sa-orang anggota Sharikat Minyak keli-hatan dalam gambar ini memegang satu mata pengorek itu. Gambar dan berita Sharikat Minyak Brunei Shell.

rek kemudian di-tambah lagi pada kedalaman pertengahan dan sa-kali lagi pada kedalaman pertengahan dan sa-kali lagi pada kedalaman yang penghabisan.

Rantai pengorekan di-chabut dan di-susun di-sabelah badan menara sa-panjang 90 kaki — tiga kali panjang batang paip pengorek yang biasa.

Bahagian2 dari kasing besi itu di-turunkan dan di-tampalkan ka-dinding telaga. Rantai pengorek di-tarohkan ka-dalam kasing dan kerja mengorek pun berjalan sa-mula dengan menggunakan mata yang lebeh kecil ukuran-nya.

Penyusunan paip pengorek sa-tinggi 90 kaki ketika di-chabut sa-mula ada-lah menjadi sebab mengapa selalu-nya me-

dang2 mata itu boleh menebok sa-dalam 330 kaki dalam masa satu jam, tetapi jika ia menebok batu pejal yang lebeh keras maka jalan-nya pun menjadi lambat satu kaki di-korek-nya dalam masa satu jam.

Ada banyak jenis mata pengorek yang di-pakai dalam penggalan yang di-sebut "bits". Untuk menebok di-tanah yang lembut seperti pasir dan tanah liat nama-nya "drag bits", mempunyai dua bilah mata atau lebeh yang di-pasang dengan tubir pemotong.

"Rock bits", penebok yang di-pakai di-tanah yang keras dan batu, mempunyai dua atau pun lebeh tirus pemotong dengan tepi2-nya berbaris2 gigi2 tajam yang keras; waktu alat pemotong berpusing pada roda

KEPUTUSAN PEPEREKSaan KERANI-KERANI

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai tiga puluh orang kaki2 tangan kerajaan telah lulus dalam peperiksaan bagi kerani2 yang berkhidmat dalam jabatan kerajaan dalam tingkatan "A" dan "B" yang di-langsungkan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin disini dan di-Maktab Anthony Abell, Seria pada 11 dan 12 December tahun lepas.

Surat keliling dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan mengumumkan bahawa sa-ramai lima puluh lima orang peserta yang tidak lulus dalam satu perkara dari enam so'alan bagi kerani tingkatan "A" dan lapan so'alan bagi kerani2 tingkatan "B" di-kehendaki supaya memasoki sa-kali lagi peperiksaan tersebut pada tahun ini.

Sa-ramai 201 orang kaki2 tangan kerajaan yang memasoki peperiksaan bagi kerani tingkatan "A" hanya enam belas orang sahaja yang di-dapati lulus. Mereka itu ia-lah :

Abdullah bin Besar, Abdullah bin Abd. Rashid, Abidin bin Md. Zain, Ibrahim bin Jamudin, Abdullah bin Tahir, Tuah bin Md. Noor, Hidup bin Lamit, Tinggal bin Bangkol, Abd. Hamid bin Johari, Jimmy Tan, Mattasan bin Uking, Idrus bin Labuan, Mohammad Alidin bin Kura, Abd. Arim bin Md. Salleh, Abd. Halid Jumat dan Ak. Omar bin Pengiran M. Salleh.

Empat puluh empat orang dalam tingkatan ini yang tidak lulus kerana satu perkara dan di-kehendaki memasoki peperiksaan sa-kali lagi dalam perkara2 yang mereka tidak lulus itu ada-lah seperti berikut :

Md. Salleh bin Metassan, dalam perkara Atoran Pejabat; Seruji bin Jaya, dalam perkara Ilmu Hisab; Md. Noor bin Metussin, dalam perkara Ilmu Hisab; Muhammad bin Chuchu, dalam perkara Atoran Pejabat; Awang Jumat bin Amp. Saifuddin, dalam perkara Atoran Pejabat;

Ak. Salleh bin Pg. Bungso, dalam perkara Atoran Pejabat; Said

Md. Salleh, dalam perkara Atoran Pejabat; Ak. Ismail bin Pengiran Ahmad, dalam perkara Pengetahuan 'Am; Ali Ahmad bin Lahab, dalam perkara Ilmu Hisab; Pengiran Haji Mahmud, dalam perkara Typing;

Abd. Samad bin H. Rahman, dalam perkara Salinan Tangan; Besar bin Jarud, dalam perkara Typing; Yahya bin Kalong, dalam perkara Ilmu Hisab; Kifli bin Md. Salleh, dalam perkara Atoran Pejabat; Muhammad bin Abd. Rahman, dalam perkara Ilmu Hisab; A. Omar bin Othman, dalam perkara Ilmu Hisab;

Md. Ali bin Matyusof, dalam perkara Ilmu Hisab; Ak. Omarali bin Pengiran Muhammad, dalam perkara Atoran Pejabat; Md. Ali bin Mokti, dalam perkara Atoran Pejabat, Md. Yusof bin Haji Me-

iali, dalam perkara Atoran Pejabat; Abang bin Rani, dalam perkara Atoran Pejabat; Ak. Damit bin Pengiran Ahmad, dalam perkara Pengetahuan 'Am; Md. Jair bin Haji Samat, dalam perkara Atoran Pejabat;

Ismail bin Abd. Kadir, dalam perkara Atoran Pejabat; Kaling bin Ingar, dalam perkara Atoran Pejabat; Abd. Momin bin OKSU. Bahshah, dalam perkara Atoran Pejabat; A. Md. Tanjong bin Haji Ismail, dalam perkara Ilmu Hisab; Sirun bin Sikut, dalam perkara Atoran Pejabat; Ya'akub bin Mohammad, dalam perkara Atoran Pejabat; Hashim bin Suhaimi, dalam perkara Atoran Pejabat;

Md. Zaini bin Shawal, dalam perkara Atoran Pejabat; Sulaiman bin Abd. Rahman, dalam perkara Atoran Pejabat; Md. Said bin Abu Bakar, dalam perkara Typing; Awg. Mokim bin Awg. Hassan, dalam perkara Ilmu Hisab; Baju bin Budin, dalam perkara Ilmu Hisab; Mohammed Hussein bin Hassan, dalam perkara Ilmu Hisab;

Md. Noor bin Awg. Besar, dalam perkara Atoran Pejabat; Md. Sahfee bin Ahmad, dalam perkara Atoran Pejabat; Md. A. Zain bin Serudin, dalam perkara Atoran Pejabat; Ahmad Shah bin Abd. Rahman, dalam perkara Atoran Pejabat;

Md. Yusuf bin Taha, dalam perkara Ilmu Hisab; Md. Yassin bin Md. Zain, dalam perkara Atoran Pejabat; Othman bin Simpol, dalam perkara Pengetahuan 'Am dan Ak. Othman bin

Pengiran Ismail, dalam perkara Ilmu Hisab.

Dari jumlah 49 orang kaki2 tangan kerajaan yang memasoki peperiksaan kerani tingkatan "B" hanya 14 orang sahaja yang lulus. Mereka itu ia-lah :

William Shim, Md. Salleh bin Bungkol, Aisah binte Abdullah, J. Chong Min Fui, Abd. Latif bin Taliff, Lim Ai Wah, Law Yuk Lan, Leong Seong Cheong, Eleanor Leong, Chen Fui Fah, Awg. Damit bin. Awg. Chuchu, Chiam Eng Seng, Then Chung Seng dan Ahim bin Ibrahim.

Dalam peperiksaan kerani tingkatan "B" ini, sa-ramai 10 orang dari jumlah peserta tersebut telah di-dapati tidak lulus dalam perkara "Pengetahuan 'Am". Mereka itu ia-lah :

Md. Hassan bin A. Timbang, Abang bin Mahari, Ak. Abd. Latiff bin Pengiran Abbas, Jusif bin Abu Bakar, Ya'akub bin Haji Zainal, Dk. Chuchu binte Pengiran Md. Daud, Yahya bin Haji Tengah, Md. Salleh bin Timbang, Naemah binte Md. Yusof dan Ak. Ibrahim bin Pengiran Ahmad.

Peserta yang tidak lulus dalam perkara "Karangan" dalam tingkatan ini ia-lah Inche Idris bin Haji Ahmad.

PERTANDINGAN BINTANG RADIO BRUNEI 1962

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai pemuda-pemudi di-Negeri Brunei telah mendaftarkan nama untuk mengambil bahagian dalam pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1962.

Pertandingan2 untuk merebutkan gelaran2 johan Bintang Radio bagi Daerah2 Brunei-Muara, Tutong, Temburong, Seria dan Belait bahagian2 lelaki dan perempuan akan di-adakan terlebih dahulu.

Biduan2 dan biduanita2 yang menjadi johan tiap2 daerah tersebut akan mewakili daerah masing2 dalam pertandingan akhir untuk merebutkan gelaran kejuaraan sa-negeri ini.

Pertandingan akhir itu di-jangka akan di-adakan di-Bandar Brunei sa-lepas bulan Puasa hadapan.

DARJAH DEWASA

BANDAR BRUNEI.—Semua Darjah Dewasa Bahasa Melayu dalam Negeri Brunei akan ditutup mulai pada 1 February akan datang kerana chuti bulan puasa.

Darjah2 itu akan di-buka semula pada 12 March hadapan. Demikian menurut keterangan Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei.

KERJA KOSONG DALAM PERKHIDMATAN BOMBA

BANDAR BRUNEI. — Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada pemuda2 yang di-peranakan dalam Negeri Brunei untuk jawatan ahli bomba baru dalam Jabatan Perkhidmatan Bomba Negeri Brunei.

Tiap2 pemohon hendak-lah berumur di-antara 18 dan 28 tahun. Tinggi ia-lah sa-kurang2nya lima kaki empat inchi dan dada sa-kurang2 tiga puluh empat inchi.

Sa-saorang pemohon yang hendak masuk berkhidmat dalam jawatan tersebut hendak-lah lulus sa-kurang2 darjah empat sekolah Melayu atau darjah yang sa-rupa dalam sekolah Inggeris atau lain2 sekolah.

Pemohon2 itu akan di-kehendaki lulus ujian2 pemilihan permulaan dan mesti-lah lulus peperiksaan doktor.

Gaji permulaan ia-lah \$160 sabulan dan sa-lepas berkhidmat selama enam bulan dengan memuaskan akan di-naikkan menjadi ahli bomba peringkat kedua dengan gaji \$184 sabulan dalam tingkatan gaji \$184 x 4 — \$212 sabulan.

Borang2 permohonan boleh-lah di-dapati daripada Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba di-Bandar Brunei tidak lewat daripada 31 January, 1962.

Orang2 yang telah membuat permohonan yang terlebih dahulu untuk jawatan tersebut adalah di-kehendaki membuat permohonan baharu jika mereka memenahi sharat2 tersebut.



Pulis Brunei telah mengadakan satu majlis untuk kenak2 sa-bagai menyambut Hari Krismas pada bulan yang lalu di-kawasan Ibu Pejabat Polis di-Bandar Brunei. Dalam gambar ini kelihatan tiga orang anggota2 Polis sedang mengatorkan barang2 untuk di-hadiahkan kepada kenak2 itu. Gambar Universal Photo Studio, Brunei.

PENOLONG P. D. TUTONG

TUTONG. — Inche Mohamed Wali bin Tunggal telah di-lantik menjadi Penolong Pegawai Daerah, Tutong mulai dari 1 January, 1962.

Persidangan Jawatan Kuasa Melayu Raya

KUALA LUMPUR. — Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah membuka persidangan Jawatan Kuasa Perundingan Perpaduan Melayu Raya yang telah di-adakan di-Kuala Lumpur mulai dari 6 hingga 8 January yang lalu.

Yang Berhormat Inche Donald Stephens dari Borneo Utara telah memimpin meshuarat itu. Wakil2 yang hadir ia-lah dari Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Jawatan Kuasa Perundingan Perpaduan Melayu Raya itu telah membincangkan beberapa perkara yang luas termasuk so'al kera'yaatan, kedaulatan, bahasa kebangsaan dan hak2 istimewa bumiputera wilayah Borneo.

Dalam persidangan itu, para perwakilan dari Persekutuan Tanah Melayu telah mengesahkan bahawa kedaulatan negeri di-masa hadapan akan terletak dalam Persekutuan Melayu Raya yang di-chadangkan itu.

Negara baharu itu akan dikenali sa-bagai Persekutuan Melayu Raya, tiap2 orang ra'ayat Inggeris yang di-lahirkan sama ada di-Sarawak atau pun di-Borneo Utara atau pun orang2 yang menjadi ra'ayat pada tarikh itu akan menjadi warga negara Melayu Raya. Akan tetapi, orang itu mesti-lah tinggal tetap pada tarikh itu dalam wilayah tempat yang ia di-lahirkan.

Terhadap Bahasa Kebangsaan, perwakilan dari Sarawak bertaanya tentang apa yang akan terjadi kepada orang2 yang tidak tahu Bahasa Inggeris atau pun Melayu, akan tetapi mahir dalam bahasa asli mereka.

Wakil dari Singapura telah menjawab bahawa orang2 asli di-wilayah Borneo dengan sendirinya menjadi ra'ayat Melayu Raya menurut undang2. Jadi, kata wakil itu, tidak-lah ada sa-chara langsung dalam hal ujian bahasa.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Meshuarat Jawatan Kuasa Perundingan Perpaduan Melayu Raya yang akan

MESHUARAT PENGHULU2

BANDAR BRUNEI. — Satu meshuarat Penghulu2 dan Ketua2 Kampong dalam Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan di-Pejabat Pilehan Raya, Brunei pada 23 January hadapan mulai pukul 8.30 pagi.

Tujuan mengadakan meshuarat itu ia-lah untuk memberi penerangan berkenaan dengan kerja2 Pilehan Raya.

Penghulu2 dan Ketua2 Kampong itu ada-lah di-kehendaki hadir di-Pejabat Daerah Brunei dan Muara pada pukul 8 pagi hari tersebut untuk di-bawa ka-Pejabat Pilehan Raya.

Di-terbitkan oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dan di-chetak di-The Brunei Press Limited, Kuala Belait.

KONSOL INDONESIA DI-B.U. SINGGAH DI-BRUNEI

BERAKAS. — Tuan A. Muntoro yang telah di-lantek oleh Kerajaan Republik Indonesia sa-bagai Konsol Indonesia di-Borneo Utara telah singgah di-lapangan terbang di-sini pada petang hari Sabtu yang lalu dalam penerbangan beliau ka-Jesselton untuk membuka sa-buah Pejabat Konsol Indonesia di-sana.

Ini-lah kali pertama Kerajaan Indonesia mengadakan Pejabat Konsol-nya di-Borneo Utara.

Di-antara orang yang menyambut kedatangan Tuan Muntoro di-bangunan lapangan terbang tersebut ia-lah Yang Berhormat Sheikh Azahari bin Sheikh Mahmud.

Dalam satu pertemuan di-lapangan terbang tersebut Tuan Muntoro berkata bahawa Kerajaan beliau telah mengambil ketetapan hendak membuka Pejabat itu oleh sebab ada banyak warga negara Indonesia di-Borneo

Utara.

Tetapi beliau tidak-lah mengetahui dengan tepat berapa banyak-kah ada-nya warga negara Indonesia di-sana kerana ini-lah pertama kali beliau berangkat ka-Borneo Utara.

P.P.D. BELAIT

KUALA BELAIT. — Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh telah di-lantek menjadi Penolong Pegawai Daerah, Belait mulai dari 1 January, 1962.

PERTUNJOKAN WAYANG GAMBAR KERAJAAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Tarikh dan tempat pertunjukan wayang gambar Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Brunei mulai dari hari ini hingga ka-akhir bulan ini ada-lah seperti berikut: —

17 January — Sekolah Melayu Dato Gandhi, Brunei dan Sekolah Melayu Telisai, Tutong.

18 January — Kampong Pekan Lama, Brunei.

20 January — Kampong Pulaie Berakas, Brunei dan di-Rumah Sakit Kerajaan, Kuala Belait.

22 January — Sekolah Melayu Sengkurong, Brunei dan Kuala Balai, Ulu Belait.

23 January — Sekolah Melayu Kupang, Tutong.

24 January — Sekolah Melayu Lamunin Tutong dan di-Rumah Orang2 Tua, Seria.

25 January — Sekolah Melayu Kiudang, Tutong.

27 January — Di-Penjara Jerudong, Brunei.

29 January — Kampong Burong Pingai Laut Brunei dan Lorong 7, Seria.

31 January — Kampong Siraja Muda, Brunei.

Tiap2 pertunjukan wayang gambar tersebut di-mulai pada pukul tujuh malam.

KA-AUSTRALIA

BERAKAS. — Inche Mohamed Hassan bin Haji Mohamed Yusof, sa-orang Cadet dalam Perkhidmatan Pertadbiran Negeri Brunei yang berkhidmat di-Jabatan Laut Negeri Brunei telah berlepas ka-Singapura pada malam 10 January yang lalu dalam penerbangan-nya ka-Australia.

Beliau akan berlateh dalam hal ehwal pertadbiran perkapalan dan pelabohan di-Australia selama sa-tahun.

Ini-lah kali yang ke-dua Inche Hassan berlateh di-luar negeri.

Beliau telah mulai berlateh di-Sekolah Perkapalan University Southampton, England dari bulan September 1958 hingga ka-bulan March 1960.

HAKIM BARU

BANDAR BRUNEI. — Tuan Edward R. Harley telah di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth Yang Kedua dan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei menjadi Hakim Rendah bagi Kehakiman Bersatu Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara mulai dari 16 January 1962.

MENZIARAH PUSARA SULTAN BOLKIAH



Yang Berhormat Dato Abdul Hamid bin Haji Jumat, Ahli Dewan Perhimpunan Undangan, Singapura dan Yang Berhormat Dato Ong Yoke Lin, Menteri Keshatan dan Kebajikan Mesarakat, Persekutuan Tanah Melayu telah melawat ka-Bruni pada bulan December yang lalu sa-lepas menghadiri Meshuarat Jawatan Kuasa Perundingan Perpaduan Melayu Raya di-Kuching, Sarawak.

Di-antara tempat2 yang di-lawati oleh Dato2 tersebut sa-masa berada di-Bruni ia-lah Pusara Sultan Bolkiah. Gambar2 ini yang di-ambil oleh Doktor Abdul Wahab Ariff menunjukkan Dato Abdul Hamid dan Dato Ong sa-masa menziarahi ka-Pusara Sultan Bolkiah. Gambar atas di-kanan sa-kali ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kameludin, Setia Usaha, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei yang mengiringi Dato2 tersebut ka-Pusara Sultan Bolkiah.